



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 13

20hb Jun 2002

*TAMBAHAN No. 63
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 247.

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2001

**PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (Pemerluasan dan
UBAH SUAIAN AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [*Akta A1095*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984) 2002**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2001.

Pemerluasan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya

2. (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 [*Akta 303*], yang disebut “Akta yang diperluas” dalam Perintah ini dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya, diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas hendaklah berkuat kuasa dengan ubah suaian sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan peruntukan Akta itu sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah ini.

P.U. (A) 252.**AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2001****PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (Pemerluasan dan
UBAH SUAIAAN AKTA TATACARA *Mal* MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1998) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [*Akta A1095*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998) 2002**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2001.

Pemerluasan Akta

2. Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [*Akta 585*], yang disebut “Akta yang diperluas” dalam Perintah ini, diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ubah Suaian Subseksyen 1(1) Akta yang diperluas

3. Akta yang diperluas diubahsuaikan dalam subseksyen 1(1) dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” dengan perkataan “Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan”.

Pemberhentian pemakaian Enakmen dan peralihan

4. (1) Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah 1991 [*Sel. En. 7/1991*], hendaklah terhenti terpakai bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

(2) Mana-mana prosiding di bawah Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah 1991 [*Sel. En. 7/1991*], yang wujud di hadapan mana-mana mahkamah sebaik sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Enakmen itu dan bagi maksud prosiding itu Perintah ini hendaklah dianggap seolah-olah tidak dibuat.

Dibuat 21 Mei 2002
[JAWI/A/145; PN(PU²)609/II]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Setiausaha Jemaah Menteri

CONSTITUTION (AMENDMENT) ACT 2001

FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA (EXTENSION AND
MODIFICATION OF SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE
(FEDERAL TERRITORIES) ACT 1998) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Constitution (Amendment) Act 2001 [Act A1095], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Territory of Putrajaya (Extension and Modification of Syariah Court Civil Procedure (Federal Territories) Act 1998) Order 2002**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 February 2001.

Extension of Act

2. The Syariah Court Civil Procedure (Federal Territories) Act 1988 [Act 585], which is referred to as the “extended Act” in this Order is extended to the Federal Territory of Putrajaya.

Modification of subsection 1(1) of extended Act

3. The extended Act is modified in subsection 1(1) by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan”.

Cessation of application of the Enactment and transitional

4. (1) The Syariah Civil Procedure Code Enactment 1991 [Sel. En. 7/1991] ceases to apply to the Federal Territory of Putrajaya.

(2) Any proceedings under the Syariah Civil Procedure Code Enactment 1991 [Sel. En. 7/1991] pending before any court immediately before the coming into force of this Order shall be continued and concluded under that Enactment and for the purpose of such proceedings this Order shall be treated as if it had not been made.

Made 21 May 2002
[JAWI/A/145; PN(PU²)609/II]

By Command

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Secretary to the Cabinet